

Headline	Congak strategi ampuh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	60	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	329 cm ²
Journalist	Ammar Jazlan Mad Lela	AdValue	RM 2,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,582



Congak strategi ampuh

Helang Merah mahu terbang lebih tinggi hadapi Liga Premier

AMMAR JAZLAN MAD LELA

BIARPUN mencatat kemenangan bergaya 3-1 ke atas Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Stadium UiTM Shah Alam Jumaat lalu, Kedah belum boleh lagi mendabik dada.

Berada di tangga kelima dengan 16 mata - ketinggalan 10 mata di belakang pendahulu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mempunyai kelebihan satu perlawanan, jurulatih Kedah, David Mitchel seharusnya memikirkan percaturan terbaik dalam kesebelasan utamanya jika Helang Merah mahu melangkah ke Liga Super musim depan.

Aksi terakhir pusingan pertama Liga Premier menentang Felda United di Stadium Majlis Perbandaran Selayang malam ini dilihat penting buat Kedah kerana skuad kendalian Irfan Bakti Abu Salim itu juga mengimpikan kemenangan, sekali gus mengukuhkan kedudukan mereka di tempat ketiga liga.

Biarpun menyedari laluan sukar bakal dilalui, pengurus Kedah, Amirul Nizam Mahadzir masih positif bahawa Helang Merah

mampu bangkit pada saingan seterusnya berdasarkan peningkatan corak permainan yang ditunjukkan setakat ini.

"Keyakinan pasukan semakin bertambah dalam setiap perlawanan, malah konsistensi dan persefahaman antara para pemain juga semakin baik seperti yang ditunjukkan ketika menentang UiTM baru-baru ini.

"Mereka sentiasa berusaha keras dan bersungguh-sungguh untuk mencipta kemenangan biarpun tewas empat perlawanan dan satu seri dalam pusingan pertama liga musim ini," katanya.

Tambah Amirul Nizam, biarpun menghormati *The Settlers* yang dibarisi beberapa pemain berpengalaman seperti Indra Putra Mahayuddin, Shahrulnizam Mustapa, Mohd. Haris Safwan Kamal serta Shukor Adan, Kedah tidak akan memberi laluan mudah dan akan berjuang habis-habisan dalam perlawanan tersebut.

Katanya, atas di atas kertas, sememangnya *The Settlers* begitu

digeruni dengan hanya satu kekalahan setakat ini, namun tempoh 90 minit perlawanan bakal menjadi penentu.

"Saya yakin jurulatih sudah mempunyai strategi terbaik untuk menghadapi perlawanan ini termasuk mengkaji kelemahan-kelemahan pasukan lawan melalui rakaman video dan sebagainya.

"Apa yang lebih penting, barisan pemain yang bakal diturunkan juga bebas daripada sebarang kecederaan atau penggantungan yang boleh membantutkan perancangan pasukan," ujarnya.

Beliau turut berharap penyokong-penyokong Helang Merah akan terus memberi sokongan padu kepada Kedah bagi mengharungi pusingan kedua Liga Premier.

"Peminat adalah kunci kepada kekuatan pasukan. Kami berharap mereka dapat memenuhi stadium dengan sorakan, sekali gus memastikan kemenangan pasukan," katanya.



IMBAS KEMBALI... Tonggak Kedah, Mohd. Fazliata Taib (kanan) dicabar pemain Pulau Pinang, Mohamad Baser pada aksi Liga Premier di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang bulan lalu.